

Bajet Johor 2017 garis 6 strategi, usaha sejahteraan rakyat

Mahu jadi kuasa ekonomi

18/11 um

Oleh LUQMAN HAZIQ ABDULLAH,
NURUL HUDA HASSAN
dan AZIZI MAJID

pengarang@utusan.com.my

■ ISKANDAR PUTERI 17 NOV.

JOHOR sudah bersedia dengan asas ekonomi yang kukuh untuk muncul bukan sahaja sebagai kuasa ekonomi baharu negara ini, malah menjangkau rantau Asia Tenggara.

Indikator tersebut berdasarkan pencapaian terbaik dicapai negeri ini yang kini mempergiatkan usaha besar-besaran untuk menjadikan Johor kuasa ekonomi selatan menerusi visi dan pelan ekonomi yang radikal.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin semasa membentangkan Bajet Johor 2017 mengumumkan anggaran lebih RM1.303 bilion, bajet lebih tujah tahun berturut-turut sejak 2011.

Menurutnya, Bajet Johor 2017 itu berdasarkan anggaran hasil RM1.609 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 12.86 peratus berbanding anggaran bajet tahun ini.

"Anggaran perbelanjaan pada 2017 pula berjumlah RM1.607 bilion yang meningkat sebanyak 12.89 peratus," katanya semasa membentangkan Bajet Johor 2017 bertepatan 'Johor Berkemajuan, Rakyat Sejahtera' di Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini hari ini.

Beliau turut mengumumkan peruntukan belanjawan pembangunan yang tertinggi dalam sejarah negeri itu, iaitu sebanyak



MOHAMED KHALED NORDIN menunjukkan teks ucapan Bajet Johor 2017 sebelum Pembentangan Bajet Johor 2017 di Dewan Undangan Negeri, Iskandar Puteri, Johor, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

RM763.3 juta, meliputi 47 peratus daripada peruntukan keseluruhan bajet kali ini.

Mohamed Khaled berkata, Johor merupakan pemangkin pertumbuhan ketiga terpenting untuk Malaysia dan menyumbang 0.5 mata peratusan kepada pertumbuhan ekonomi negara yang berkembang pada kadar lima peratus bagi tahun 2015.

"Dengan ringkas pencapaian

terbaik itu, maka jelas Johor telah meletakkan asas kukuh kepada ekonomi negeri dan ia perlu dilesartikan dalam menggerakkan usaha menjadikan Johor kuasa ekonomi selatan.

"Maksudnya, Johor bukan hanya sekadar menjadi ekonomi termaju di selatan Malaysia tetapi menjadi kuasa ekonomi baharu negara dan rantau Asia Tenggara," katanya.